



---

## SOALAN PENILAIAN ANUGERAH NILAM DAERAH PONTIAN

**( BAHASA MALAYSIA SEKOLAH MENENGAH )**

### **NOTA :**

- I = Penilaian Individu  
K = Penilaian Kumpulan  
P = Penilaian Penulisan

### **1 ESTETIK, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN**

I	Apakah ramalan anda tentang masa depan budaya tradisional seperti Kuda Kepang dan Ghazal?
K	Dalam kumpulan, bincangkan dan rancang satu persembahan wayang kulit berdasarkan teks yang anda biasa dengar.
P	Silat merupakan budaya yang tidak ternilai. Pada pendapat anda, adakah budaya ini perlu dijadikan salah satu aktiviti penting di sekolah?

### **2 EKONOMI, KEWANGAN DAN KEUSAHAWANAN**

I	Sekiranya anda diberi satu tugasan untuk menggalakkan ekonomi negara, apakah strategi yang anda boleh cadangkan?
K	Dalam kumpulan, cuba buat analisa dalam bentuk apakah GST dapat memberi manfaat kepada rakyat?
P	Secara pemikiran kritis, apakah pandangan anda terhadap masa depan industri kraftangan tempatan?

### **3 ISU SOSIAL**

I	Apakah cabaran baru yang dihadapi oleh murid-murid dalam abad ke-21? Bagaimanakah anda berhadapan dengan cabaran tersebut?
K	Krisis identiti adalah masalah utama bagi mengenali personaliti dalam kalangan belia. Beri pandangan berkenaan kenyataan ini dalam kumpulan anda.
P	Media sosial telah berkembang menjadi satu platform yang menjelaskan privasi individu. Apakah pandangan anda?

#### 4 PERTANIAN

I	Sejauh manakah pembangunan pertanian dapat meningkatkan pendapatan golongan miskin di luar bandar secara ketara?
K	Pertanian merupakan industri komersial yang terawal dalam sejarah manusia. Walau bagaimana pun, pertanian dikatakan telah menjadi industri yang tidak menguntungkan dalam abad ke-21 ini. Bincangkan.
P	Bagaimanakah industri pertanian boleh dipromosi di Malaysia melalui media sosial?

#### 5 KESELAMATAN

I	Cadangkan satu cara bagaimana remaja dididik supaya tidak terjebak dalam penyalahgunaan siber.
K	Kanak-kanak lebih banyak meluangkan masa dengan internet. Bagaimanakah ibu bapa boleh mendidik anak-anak mereka supaya menggunakan internet secara bijak?
P	Cubaan membunuh diri dalam kalangan remaja semakin berleluasa. Kenapa? Apakah peranan masyarakat dalam menangani masalah ini?

#### 6 KEKELUARGAAN

I	Sesebuah masyarakat akan runtuh jika institusi kekeluargaan rapuh. Berikan justifikasi anda.
K	Keluarga ialah asas masyarakat. Bincangkan kepentingan kekeluargaan dalam masyarakat.
P	“Air Dicencang Tidak Akan Putus”. Bagaimanakah peribahasa di atas boleh dikaitkan dengan institusi kekeluargaan.

#### 7 PERPADUAN

I	Peristiwa 13 Mei 1969 mencetuskan kesedaran tentang pentingnya perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada pendapat anda, sejauh manakah usaha-usaha memupuk semangat perpaduan telah berjaya di negara ini?
K	“Cubit paha kiri, paha kanan terasa”. Berdasarkan peribahasa di atas, bincangkan kepentingan dan faedah perpaduan kaum di Malaysia.
P	Perpaduan kaum bermula dari rumah. Berikan justifikasi anda.

## **8 KEBERSIHAN DAN KESIHATAN**

I	Obesiti dalam kalangan remaja semakin meningkat. Berikan pandangan anda.
K	Kebersihan di tempat awam tanggungjawab bersama. Huraikan peranan anda.
P	Untuk menuju negara maju, Malaysia memerlukan rakyat yang sihat. Huraikan peranan kerajaan dan rakyat untuk mencapai hasrat tersebut..

## **9 SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

I	Kerajaan menggalakkan rakyat berusaha lebih kreatif, inovasi dan berasaskan teknologi. Bincangkan peranan anda untuk merealisasikan usaha kerajaan ini.
K	Bagaimakah Malaysia boleh melahirkan rakyat yang kreatif, inovasi dan berasaskan teknologi untuk menjadi negara maju?.
P	Kreativiti mencetuskan inovasi. Berikan pandangan anda.

## **10 PATRIOTISME, JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN**

I	“Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Berikan hujah anda yang mengaitkan peribahasa di atas dengan semangat patriotisme.
K	Semangat patriotisme perlulah disemarakkan dalam kalangan remaja. Bincangkan.
P	“Negaraku. Tanah tumpahnya darahku”. Berdasarkan sebahagian daripada lirik lagu Negaraku di atas, berikan justifikasi kepentingan jati diri terhadap negara ini.